

26/08/2003

Empat PM berani bawa perubahan

Azmi Md Deros

PETALING JAYA: Malaysia bertuah kerana keempat-empat perdana menteri mempunyai ciri kepimpinan yang amat diperlukan iaitu berani membawa perubahan, sekali gus menyaksikan negara membangun dengan cepat.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, berkata walaupun ciri itu dimiliki tiga perdana menteri yang lalu, kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lebih menyerlah dan mempercepatkan proses kemajuan negara dalam tempoh 20 tahun lalu.

Berucap melancarkan buku Menuju Wawasan 2020 yang diterbitkan sempena ulang tahun kemerdekaan ke-46 negara di Kolej Universiti Lim Kok Wing, di sini semalam, beliau menghuraikan empat kategori kepimpinan dengan kategori akhir iaitu pemimpin yang membawa perubahan berjaya membuktikan mereka amat diperlukan negara.

Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata, tiga lagi kategori ialah:

- * Pemimpin yang hanya berkebolehan menguruskan perjalanan sesebuah organisasi atau negara tanpa membawa perubahan dan pemimpin seperti itu adalah statik;

- * Pemimpin yang popular dan mereka biasanya berjaya memenuhi kehendak orang ramai dan;

- * Pemimpin yang berkarisma, di mana kepimpinan mereka terbentuk ketika perjuangan menentang penjajahan sebelum merdeka, tetapi selepas merdeka daya kepimpinan mereka semakin kurang.

Beliau berkata, kategori kepimpinan yang lengkap dan efektif ialah gabungan semua ciri berkenaan iaitu pemimpin mampu bertindak sebagai pemangkin kepada perubahan bagi masyarakatnya.

"Malaysia amat bernasib baik kerana kita mempunyai kepimpinan seperti itu sejak dulu lagi dan lebih menyerlah ketika era Dr Mahathir yang sentiasa berada di barisan depan dalam membawa perubahan.

"Ciri kepimpinan inilah yang amat diperlukan negara," katanya.

Hadir sama pada majlis itu, Presiden universiti itu, Tan Sri Lim Kok Wing yang mencetuskan idea dan menggerakkan penerbitan buku itu. Buku bergambar itu memaparkan sejarah ringkas kebangkitan negara di bawah kepimpinan empat Perdana Menteri, iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir.

Najib berkata, kesediaan pemimpin baru meneruskan dan memperbaiki dasar pembangunan jangka panjang yang dirangka pemimpin terdahulu, juga membolehkan Malaysia maju begitu cepat, selain peranan dan sokongan yang dimainkan setiap rakyat.

"Kepelbagaian kaum dan budaya masyarakat kita sebenarnya bukan bebanan bagi negara ini, malah mereka aset yang turut menyumbang kepada kemajuan negara melalui peranan masing-masing," katanya.

Ditanya sama ada pemimpin selepas Dr Mahathir akan meneruskan Wawasan 2020 yang menjadi landasan pembangunan negara, Najib yakin mereka akan meneruskan pelan jangka panjang itu kerana ia dibuat dengan perancangan rapi.

"Saya nampak ia sama seperti Dasar Ekonomi Baru...walaupun Tun Razak sudah tiada, dasar berkenaan tetap diteruskan, walaupun nama dan penekanannya diubah mengikut kesesuaian. Saya yakin banyak lagi dasar yang diperkenalkan Dr Mahathir akan diteruskan nanti," katanya.